

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 12 August 1972 > Page 7 > Asmah pintar pimpin bakat kanak2 dim ranchangan-nya

Asmah pintar pimpin bakat kanak2 dim ranchangan-nya

Berita Harian, 12 August 1972, Page 7

Article also available on Microfilm Reel NL7131

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Asmah pintar pimpin bakat kanak2 dlm ranchangan-nya

— NILA KESUMA.

JURUHEBAH Asmah Sulaiman terkenal di kalangan kawan2 sa-kerja-nya di-Jabatan Siaran sa-bagai Asmah Soul. Ini bukan-lah bermakna Asmah terkenal sa-bagai sa-orang penari 'soul', tetapi hanya-lah sa-bagai singkatan dari perkataan Sulaiman.

lain. Dia perlu memikirkan ka-arrah mana-kah kanak2 itu mahu di-pimpin-nya.

Tiap2 minggu ranchangan-nya harus mempunyai thema2 baru supaya pendengar2 tidak bosan mendengar cerita2 yang sama. Untuk berbuat demikian, dia perlu membuat planing dengan teliti.

Asmah Sulaiman kini telah pun mendirikan rumah-tangga. Baru2 ini dia telah di-kurniakan dengan sa-orang chahaya mata. Kini masa-nya terpaksa di-bahagi dua untuk keluarga dan untuk kerja-nya.

Sa-lain menerbitkan ranchangan kanak2, Asmah membacha warta-berita dan bergilir2 menjadi juruhebah bertugas di-studio. Dia juga menerbitkan ranchangan2 muzikal sa-minggu sekali

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
12 August 1972Reel Number:
NL7131

Share

Table of Contents

< Previous

Page 7

Next >

Ramai pendengar radio yang minta pelakun2 baru di-berikan peluang

Ramai pendengar radio yang minta pelakun2 baru di-berikan peluang SFIK di-siarkan berita bahawa

Hot Rock— satu lagi kesah jenayah yg paparkan pembaruan

Hot Rock— satu lagi kesah jenayah yg paparkan pembaruan AZMI MAHMUD FILEM2 jenayah bia-sa-nya

'Skyjacked' di-haramkan tayangan-nya di-Australia

View Full Table of Contents >

Apa pula di-lakukan-nya pada masa lapang?

Asmah mengatakan, dia suka memasak, terutama memasak nasi lemak. Kini dia sibok menguruskan rumahtangga dan menjaga anak-nya.

“Memang susah untuk membahagikan masa antara tugas dengan kewajipan sebagai suri rumahtangga. Tetapi saya percaya, kita mesti tahu membahagikan masa untuk kejadian rumahtangga kerana kedua2-nya sama penting,” kata Asmah.

Dia berharap akan dapat meninggikan mutu ranchangan-nya, kerana kerja di Jabatan Siaran memerlukan dedikasi dan minat yang tidak berbelah bahagi. Asmah ingin menjadi juruhebah yang berjaya dalam lapangan kerja-nya.

Sa-bagai sa-orang penerbit ranchangan “Taman Kanak2” sejak tahun yang lalu, Asmah Sulaiman telah berjaya memimpin beberapa orang kanak2 menyanyi, berpantun, berlawak dan bercherita.

Kebanyakan dari kanak2 itu ada-lah dari kalangan yang belum bersekolah dan ini menjadikan usaha Asmah lebih sukar kalau dia tidak ada minat yang bersungguh2 untuk memimpin kanak2 itu.

Biasa-nya, kanak2 dalam peringkat umur yang rendah akan memberikan “response” yang positif kepada sa-tiap usaha untuk memimpin mereka kalau mereka betul2 mesra dengan orang yang akan membimbing mereka.

Kebetulan

Sa-chara kebetulan, Asmah Sulaiman gemar kepada kanak2 dan seperti Aminah Siregar, dia dapat memimpin kanak2 itu dengan sempurna, sahinggalah kanak2 itu pandai bercherita dan berlakun. Chara kanak2 itu bercherita amat-lah menarik kepada pendengar2.

Enche Zain Mahmud, Ketua Bahagian Derama RTM sekarang pernah memuji ranchangan Asmah Sulaiman dan menyamakan taraf ranchangan itu kepada “Sesame Street”. Asmah, kata-nya mempunvai

kebolehan untuk memimpin ranchangan kanak2.

Untuk memimpin ranchangan kanak2, sa-saorang penerbit itu haruslah mempunyai "touch" supaya ranchangan itu benar2 hidup. Kebolehan inilah jarang2 ada pada penerbit2 yang lain.

Ketua Bahagian Melayu, Che Zahrah Za'aba, mempunyai pandangan yang sama terhadap kebolehan Asmah Sulaiman. Dia berharap, Asmah benar2 akan menjadi salah sa-orang penerbit ranchangan kanak2 yang terkemuka di-RTS.

Tetapi hairan, kenapa bakat yang ada pada juruhebah2 di-Radio tidak di-gunakan, bila RTS mengadakan ranchangan kanak2 untuk siaran TV yang kini di-kenali sa-bagai ranchangan "Sayang Dek Sayang"?

Peluang

Saya perchaya, ranchangan ini akan lebeh berjaya kalau Asmah di-beri peluang untuk memimpin-nya. Kanak2 yang di-pimpin-nya sa-lama ini dalam ranchangan "Taman Kanak2" bijak2 dan pandai2 berchakap. Tentu sekali bakat kanak2 itu akan lebeh wajar di-gunakan dalam ranchangan TV.

Sa-bagai sa-orang penerbit, Asmah Sulaiman terkenal dengan sikap "business like". Tiap2 ranchangan terbitan-nya akan di-usahakan-nya dengan bersungoh2. Berlainan dengan Siti Aminah Siregar, dia membuat planning terlebih dulu supaya kanak2 akan menjalani rehearsal sa-belum ranchangan itu di-rakamkan. Sedangkan Aminah pula membuat ranchangan-nya ikut "mood".

Satu kelemahan kechil yang ada dalam ranchangan "Taman Kanak2" ia-lah Asmah terlalu banyak berchakap. Mungkin dia mahu menggalakkan kanak2 itu berchakap. Tetapi untuk berbuat demikian, dia harus menggunakan teknik2



Related Articles



Aminah makin di-sayangi oleh kanak2
Berita Harian 22 July 1972

Aminah makin di-sayangi oleh kanak2
KEPERCHAYAAN yang di-beri oleh tfe...

**Memberitahu, menghibor dan mendidek
benar2 dapat di-penohi**
Berita Harian 21 November 1971

Memberitahu, menghibor dan mendidek
benar2 dapat di-penohi Si? R% ior ...

Khatijah manja punya suara lunak
Berita Harian 5 August 1972

Khatijah manja punya suara lunak GADIS2
yang berkhidmat dalam Jabatan2...

